

03 MAR 2000

Hamid-Estrada

ESTRADA CADANG LAWAT MALAYSIA

PUTRAJAYA, 3 Mac (Bernama) -- Presiden Filipina Joseph Estrada bercadang melakukan lawatan rasmi ke Malaysia sebagai usaha mempereratkan hubungan dua hala, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata hasrat Estrada itu disampaikan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad oleh Setiausaha Luar Filipina Domingo Siazon yang mengunjungi Perdana Menteri di pejabatnya di sini hari ini.

Tarikh dan atur cara lawatan Presiden Filipina itu akan disusun secepat mungkin, kata Syed Hamid kepada pemberita selepas kunjungan itu.

Siazon berada di sini untuk menghadiri mesyuarat keempat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Filipina.

"Kami akan mencari satu tarikh yang sesuai bagi kedua-dua pemimpin," kata Syed Hamid.

Beliau berkata Dr Mahathir telah bersetuju dengan lawatan itu yang mungkin dibuat tahun ini.

Hubungan kedua-dua negara terjejas sedikit akibat teguran Estrada terhadap Dr Mahathir ekoran pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim

Malaysia juga kurang senang dengan tindakan Estrada menemui Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail semasa pemimpin Filipina itu berada di sini untuk sidang kemuncak APEC pada November 1998 dan sekali semasa isteri bekas timbalan perdana menteri itu berada di Manila tahun lepas.

Manila pula membantah tindakan Malaysia membina satu struktur di Spratly, satu kepulauan di Laut China Selatan yang dituntut secara keseluruhan atau sebahagiannya oleh beberapa negara termasuk Malaysia dan Filipina.

-- BERNAMA

ARA MAI